



**AMALAN KONSEP MUALIM, MUADDIB, MURSYID,
MUDARRIS DAN MURABBIDALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
RENDAHDI ZON SELATAN
NEGERI JOHOR**



ABDUL HAKIM BIN RAMLI



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





**AMALAN KONSEP MUALIM, MUADDIB, MURSYID, MUDARRIS DAN
MURABBI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
RENDAH DI ZON SELATAN NEGERI JOHOR**

ABDUL HAKIM BIN RAMLI



**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM (MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan)
20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, **ABDUL HAKIM BIN RAMLI, M20171000008, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **AMALAN MUALLIM, MUADIB, MURSYID, MUDARRIS DAN MURABBI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI ZON SELATAN NEGERI JOHOR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelas dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. MOHAMAD MARZUQI BIN ABDUL RAHIM** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **AMALAN MUALLIM, MUADIB, MURSYID, MUDARRIS DAN MURABBI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI ZON SELATAN NEGERI JOHOR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM**.

Tarikh :

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN KONSEP MUALLIM, MUADIB, MURSYID, MUDARRIS DAN
MURABBI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
RENDAH DI ZON SELATAN NEGERI JOHOR

No. Matrik / Matric's No.: M20171000008

Saya / I: ABDUL HAKIM BIN RAMLI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur segala puji bagi Allah s.w.t tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w penghulu segala Nabi dan Rasul. Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T, kerana dengan taufiq, inayah dan hidayahnya telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyempurnakan tesis bagi keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan Islam di Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Oleh itu, saya dengan seikhlas hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia penyelidikan ini, Dr. Mohammad Marzuqi bin Abdul Rahim di atas segala bimbingan, teguran, tunjuk ajar, nasihat, panduan dan kata-kata semangat yang telah diberikan sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan ini. Begitu juga kepada Prof. Madya Dr. Azmil Hashim yang memberikan pandangan dan buah fikiran yang bernas.

Setinggi-tinggi penghargaan turut diberikan dan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan penyelidikan ini. Buat ayahanda dan Ibunda yang telah kembali kerahmatullah semoga Allah s.w.t mencucuri rahmat ke atas roh ayahanda.



Sekalung penghargaan teristimewa buat isteri Nurulashikin Binti Ibrahim yang sentiasa membantu dan memberi sokongan dalam perjuangan ini. Buat anak-anak yang tersayang Nur Ash-Asyifa' Humairah dan Juwairiah Solehah menjadi penyejuk mata yang akan meneruskan perjuangan ini. Semoga kejayaan ini, menjadi kesinambungan kalian nanti. Hanya Allah s.w.t jua Maha Mengetahui segala kebenaran dan hanya Allah s.w.t jua yang dapat memberi ganjaran dan kebaikan atas jasa mereka semua.

Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan konsep *mudarris*, *muallim*, *muaddib*, *murabbi* dan *mursyid* dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di zon selatan Negeri Johor serta perbezaan amalan konsep lima *mim* berdasarkan demografi GPI. Pendekatan kajian adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik dalam mengumpul data melibatkan 137 orang GPI dan 25 buah Sekolah Kebangsaan di Zon Selatan Negeri Johor secara rawak mengikut saiz persampelan Krejcie dan Morgan (1970). Data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan min, sisihan piawai dan peratus manakala analisis inferensi menggunakan ujian t, Ujian ANOVA sehala. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa min berada pada interprestasi tinggi pada empat amalan iaitu *mudarris* (min = 4.14, sp = 0.37), *muallim* (min = 4.18, sp = 0.44), *murabbi* (min = 4.19, sp = 0.41), *muaddib* (min = 4.19, sp = 0.41) dan min berada pada interprestasi sederhana tinggi pada amalan *mursyid* (min = 3.93, sp = 0.54). Secara keseluruhan amalan konsep lima *mim* berada pada interprestasi tinggi (min = 4.13, sp = 0.34). Analisis inferensi menunjukkan terdapat perbezaan signifikan (nilai p = <0.05) di antara demografi GPI dengan amalan konsep lima *mim* kecuali amalan *mudarris*. Bagi amalan *muallim* berbeza pada umur (nilai p=0.02) dan latarbelakang pengajian ijazah (nilai p = 0.00), manakala amalan *muaddib* berbeza pada umur (nilai p = 0.01), status perkahwinan (nilai p = 0.01), pengkhususan bidang pengajian (nilai p = 0.02) dan pengalaman mengajar (nilai p = 0.05), manakala amalan *murabbi* hanya berbeza pada pengkhususan bidang pengajian (nilai p = 0.03) dan seterusnya amalan *mursyid* berbeza pada latarbelakang pengajian ijazah (nilai p = 0.02) dan pengalaman mengajar (nilai p = 0.03). Kesimpulan kajian menunjukkan GPI mengamalkan amalan ini dengan baik namun terdapat perbezaan amalan berdasarkan demografi GPI. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa perlu ada penyelarasan pendidikan guru supaya dapat meningkatkan kualiti GPI dan seterusnya dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Islam dalam mengamalkan konsep lima *mim*.





THE PRACTICE OF *MUDARRIS*, *MUALLIM*, *MUADDIB*, *MURABBI* AND *MURSYID* CONCEPT AMONG THE ISLAMIC EDUCATION TEACHERS AT SOUTH ZONE OF JOHORE

ABSTRACT

The aim of this study was to identify the practice of *mudarris*, *muallim*, *muaddib*, *murabbi* and *mursyid* concept among the Islamic Education Teachers (IET) at the south zone of Johore and also to investigate the difference of *mim* concept based on the IET demography. This study was using quantitative method and the data was collected using the interview which involved 137 of IET and 25 primary schools at south zone of Johore and were chosen randomly accordingly to the size sample of Krejcie and Morgan (1970). The data was analyzed descriptively using mean, standard deviation and percentage and the inferential analysis was using T-Test and One-way ANOVA. From the findings, it showed that the min was at the higher interpretation level of four practices which were *mudarris* (mean= 4.14, sp = 0.37), *muallim* (mean= 4.18, sp = 0.44), *murabbi* (mean= 4.19, sp= 0.41), *muaddib* (mean= 4.14, sp=0.41) and mean was at intermediate interpretation level of the practice of *mursyid* (mean= 3.93, sp=0.54). The min practice of five *mim* concept overall was in the higher interpretation level (mean=4.31, sp=0.34). The inferential analysis showed there was significant (p value = <0.05) difference between IET demography and the practice of five *mim* concept except for the *mudarris*. For *muallim*, was different for the age (p value= 0.02) and the degree's background (p value= 0.00), for *muaddib* was different for the age (p value= 0.01), marriage status (p value=0.01), studies specialization (p value= 0.02) and teaching experiences (p value= 0.05), for *murabbi*, the difference was at studies specialization (p value= 0.03) and for *mursyid*, the difference was at degree's background (p value= 0.02) and teaching experiences (p value= 0.03). In conclusion, the study showed that the IET practices the concept very well though there were differences of practice accordingly to the IET demography. The implication of the study showed that there is a need of the adjustment in teachers' education so that it will increase the quality of IET and make the Islamic Education philosophy into a real deal in practicing the five *mim* concept.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	Xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Hipotesis Kajian	19
1.7	Kepentingan Kajian	20
1.8	Batasan Kajian	21
1.9	Definisi Operasional	22
1.10	Kerangka Teoritik Kajian	25

1.11	Kesimpulan	29
------	------------	----

BAB 2 KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1	Pengenalan	30
2.2	Konsep Pendidikan Secara Umum	31
2.3	Konsep Pendidikan Menurut Islam	33
2.4	Konsep Guru Cemerlang	38
2.5	Konsep Guru Pendidikan Islam	42
2.6	Amalan Pengajaran Guru	43
2.7	Konsep lima <i>mim</i> (<i>Mudarris, Muallim, Murabbi, Muaddib, Mursyid</i>)	50
2.7.1	Konsep Amalan Guru Sebagai <i>Murdarris</i>	51
2.7.2	Konsep Amalan Guru Sebagai <i>Mu'allim</i>	64
2.7.3	Konsep Amalan Guru Sebagai <i>Murabbi</i>	70
2.7.4	Konsep Amalan Guru Sebagai <i>Mu'addib</i>	78
2.7.5	Konsep Amalan Guru Sebagai <i>Mursyid</i>	82
2.8	Sorotan Program Pendidikan Guru Pendidikan Islam Di Malaysia	90
2.9	Kesimpulan	91

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	91
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
3.3	Lokasi dan Peserta Kajian	92

3.4	Instrumen Kajian	95
3.5	Kajian Rintis	99
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	100
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	101
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	104
3.9	Prosedur Penganalisan Data	105
3.10	Kesimpulan	108

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	109
4.2	Profil Sampel	109
4.2.1	Latar Belakang Demografi	
4.3	Analisis Deskriptif	114
4.3.1	Amalan Konsep lima <i>Mim</i>	114
4.3.1.1	Amalan guru <i>Mudariss</i>	114
4.3.1.2	Amalan guru <i>Muallim</i>	122
4.3.1.3	Amalan guru <i>Murabbi</i>	127
4.3.1.4	Amalan guru <i>Muaddib</i>	132
4.3.1.5	Amalan guru <i>Mursyid</i>	136
4.4	Analisis Perbezaan	140
4.4.1	Perbezaan skor min amalan konsep lima mim berdasarkan latar belakang demografi.	140



4.4.2 Perbezaan skor min amalan konsep lima <i>mim</i> Guru	141
---	-----

Pendidikan Islam berdasarkan jantin

4.4.3 Perbezaan skor min amalan konsep lima <i>mim</i> Guru	142
---	-----

Pendidikan Islam berdasarkan umur

4.4.4 Perbezaan skor min amalan konsep lima <i>mim</i> Pendidikan	145
---	-----

Islam berdasarkan status perkawinan

4.4.5 Perbezaan skor min amalan konsep lima <i>mim</i> dalam	146
--	-----

sahsiah Guru Pendidikan Islam berdasarkan latar

belakang pengajian ijazah



4.4.6 Perbezaan skor min amalan konsep lima <i>mim</i> guru	149
---	-----

pendidikan islam berdasarkan Pengkhususan Bidang

Pengajian

4.4.7 Perbezaan skor min amalan konsep lima <i>mim</i> Guru	154
---	-----

Pendidikan Islam berdasarkan Ikhtisas Perguruan

4.4.8 Perbezaan skor min amalan konsep lima <i>mim</i> Guru	
---	--

Pendidikan Islam mengikut pengalaman mengajar 155

4.5 Kesimpulan	158
----------------	-----



BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	159
5.2	Ringkasan Kajian	160
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	162
5.3.1	Amalan Guru Sebagai Muallim	162
5.3.2	Amalan Guru Sebagai <i>Mua'ddib</i>	165
5.3.3	Amalan Guru Sebagai Mudariss	168
5.3.4	Amalan Guru Sebagai <i>Murabbi</i>	172
5.3.5	Amalan Guru <i>Mursyid</i>	176
5.4	Implikasi Kajian	180
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	183
	Rujukan	184
	Lampiran	192

**SENARAI JADUAL**

Jadual	Muka surat
3.1 Soal Selidik Responden	90
3.2 Skala Likert (persetujuan)	91
3.3 Skala Likert (Kekerapan)	92
3.4 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	96
3.5 Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif	99
4.1 Profil Sampel Mengikut Jantina	111
4.2 Profil Sampel Mengikut Umur	111
4.3 Profil Sampel Mengikut Status perkawinan	112
4.4 Profil Sampel Mengikut Latarbelakang Pengajian	112
4.5 Profil Sampel Mengikut Bidang Pengajian	112
4.6 Profil Sampel Mengikut Ikhtisas Perguruan	113
4.7 Profil Sampel Mengikut Tahun Pengalaman Mengajar	113
4.8 Amalan <i>Mudariss</i>	114
4.9 Amalan <i>Muallim</i>	122



4.10	Amalan guru <i>Murabbi</i>	127
4.11	Amalan guru <i>Muaddib</i>	132
4.12	Amalan guru <i>Mursyid</i>	136
4.13	Perbandingan min Konsep 5 <i>Mim</i>	140
4.14	Ujian-t perbezaan amalan Konsep 5M dalam sahsiah Guru Pendidikan Islam mengikut jantina	142
4.15	ANOVA Sehal Perbezaan amalan konsep 5 Mim dalam sahsiah Guru Pendidikan Islam berdasarkan umur	143
4.16	Ujian Post-hoc Scheffe Perbezaan amalan konsep 5 Mim dalam sahsiah Guru Pendidikan Islam berdasarkan umur	144
4.17	Ujian-t perbezaan skor min amalan Konsep 5 Mim dalam sahsiah Guru Pendidikan Islam berdasarkan Status Perkahwinan	145
4.18	ANOVA Sehal Perbezaan amalan konsep 5 Mim dalam sahsiah Guru Pendidikan Islam berdasarkan latar belakang pengajian ijazah	147
4.19	Ujian Post-hoc Scheffe Perbezaan amalan konsep 5 Mim dalam sahsiah Guru Pendidikan Islam berdasarkan latar belakang pengajian	148



- 4.20 ANOVA Sehala Perbezaan Amalan Konsep 5 Mim 150
Dalam Sahsiah Guru Pendidikan Islam Berdasarkan
Pengkhususan Bidang Pengajian
- 4.21 Ujian Post-hoc Scheffe Perbezaan *Muallim, Murabbi,* 151
Muaddib, Mursyid dan Konsep 5 Mim
- 4.22 Ujian-t perbezaan amalan Konsep 5M dalam sahsiah 154
Guru Pendidikan Islam berdasarkan ikhtisas perguruan
- 4.23 ANOVA Sehala amalan konsep 5 *Mim* dalam sahsiah 155
guru pendidikan Islam mengikut pengalaman mengajar
- 4.24 Ujian Post-hoc Scheffe Perbezaan Signifikan bagi 156
Muaddib dan Mursyid





SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.0 konsep 5 Mim (Ab. Halim Tamuri et al. 2006)	23
2.0 Ubahsuai Teori P&P al-Ghazali (t.th.) dan Dunkin & Biddle (1974)	23



**SENARAI SINGKATAN**

S.W.T	Subhanahu wa Ta'ala
S.A.W	Sallallahu 'Alaihi Wasallam
BBM	Bahan Bantu Mengajar
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
t.t	Tiada Tarikh
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PJJ	Pembelajaran Jarak Jauh
PPL	Pusat Pembelajaran Luar
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
FPPM	Fakulti Pendidikan & Pembangunan Manusia
PPG-PJJ	<i>Program Pensiswazahan Guru-Pengajian Jarak Jauh</i>
SLT	<i>(Student Learning Time)</i>
(PBS).	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
(PPPM)	Pembangunan Pendidikan Malaysia
(PIPP)	Pelan Induk Pembangunan
ICT	Information Communication Technology
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembalajaran dan Pemudahcaraan
PAK 21	Pembelajaran Alaf Abad Ke 21





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab utama yang dijadikan rujukan kepada perjalanan bab-bab yang berikutnya. Perbincangannya meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu, kerangka teori yang mendasari kajian ini turut dibentangkan. Tidak ketinggaalan juga kerangka konseptual kajian yang mengandungi maklumat terperinci berkaitan komponen-komponen yang diukur dan pemboleh ubah yang terlibat. Sebagai pengenalan, bab ini juga turut membincangkan kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi-definisi operasional yang penting untuk memudahkan pembaca mengikuti keseluruhan perjalanan kajian.





1.2 Latar Belakang Kajian

Dunia kerjaya guru semakin kompetitif bukan sekadar dalam era teknologi maklumat untuk mencukupkan keperluan hidup. Kerjaya sebagai guru memerlukan komitmen yang tinggi lebih-lebih lagi sebagai Guru Pendidikan Islam. Menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), tugas guru menurut perspektif Islam merangkumi pelbagai tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia iaitu sebagai *murrabi*, *muaddib* dan bukan semata-mata seorang *mu'allim*. Tugas guru perlu dikaitkan dengan tugas sebagai pendakwah atau dalam erti kata lain seorang guru pendidikan Islam (GPI) juga harus memainkan peranan sebagai seorang pendakwah atau da'i (Muhamad Faiz et al., 2012).

Guru adalah agen pendidikan yang berkesan (Muhammad Uthman el-Muhammady, 1991 dlm. Ahmad Mohd. Salleh, 1997). Pandangan ini menunjukkan bahawa guru amat penting dalam menentukan penerimaan murid dalam pembelajaran mereka. Ini sejajar dengan tanggungjawab guru yang rumit dan berat iaitu untuk menghasilkan generasi murid yang berilmu, berketerampilan, mempunyai minda dan perlakuan yang positif, berdedikasi dan berdisiplin. Manakala menurut Ab. Halim Tamuri (2007), guru adalah unsur penting dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan. Keperibadian dan amalan pengajaran guru mempunyai pengaruh yang besar kepada minda dan jiwa pelajar.

Di peringkat sekolah rendah, murid banyak belajar melalui peniruan dan pemerhatian. Guru adalah segala-segalanya bagi mereka, sehingga kata-kata guru menjadi pegangan mereka berbanding ibubapa mereka. Pada peringkat umur 6 hingga





12 tahun, mereka mula menguasai dan menyedari konsep-konsep abstrak dalam kehidupan seperti nilai, moral, masyarakat dan sosial. Mereka juga menyedari kemahiran-kemahiran asas dalam kehidupan. Kemahiran-kemahiran fizikal dan sosial yang sudah tersemat dalam diri kanak-kanak memberi dorongan yang kuat kepada mereka bagi membentuk konsep diri yang sihat (Shahabudin Hisham et al. 2003). Oleh demikian itu, GPI berperanan menunjukkan keperibadian yang unggul supaya murid mampu mengikuti keperibadian GPI.

Selain daripada itu, GPI berperanan untuk melaksanakan Falasafah Pendidikan Kebangsaan dan Falasafah Pendidikan Islam agar hasrat melahirkan generasi yang seimbang dapat dipenuhi. Oleh itu guru, khususnya GPI, perlu mengukuhkan lagi peranan mereka dalam merealisasikan hasrat ini. Kategori peranan guru Pendidikan



Islam terbahagi kepada lima seperti berikut:

1. Sebagai *mu'allim* (Ab. Halim Tamuri *et al.*, 2004; Ahmad Mohd Salleh, 1997; al-Shaybani, 1979; Bahagian Pendidikan Guru, 2001; Zawawi Hj. Ahmad, 1984);
2. Sebagai *murabbi* (Ab. Halim Tamuri *et al.*, 2004; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001);
3. Sebagai *mu'addib* (Ab. Halim Tamuri *et al.*, 2004; Ahmad Mohd Salleh, 1997; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001);
4. Sebagai *mursyid* (Ab. Halim Tamuri, *et al.*, 2004; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001); dan





5. Sebagai *mudarris* Ab. Halim Tamuri, *et al.*, 2004; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001)

Kelima-lima peranan ini disatukan menjadi satu konsep iaitu konsep lima *mim*. Konsep ini pelopori oleh Ab. Halim Tamuri (2007) dalam bukunya . Konsep ini diambil dari sarjana-sarjana Islam antaranya Al-Ghazali, Abdullah Nasih Ulwan, dan ramai lagi dan menjadi dasar utama konsep ini adalah Al-Quran dan Al-Hadis.

Konsep lima *mim* sejajar ini dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) anjakan ke lima yang memuatkan etika dan rohani, ini membawa maksud bahawa kerajaan amat mementingkan pembentukan akhlak murid. Dalam pembentukan akhlak, *role model* memainkan peranan penting, untuk memberi contoh terbaik kepada murid sehingga mencapai pembentukan akhlak Islamiah yang sebenar. Perkara ini juga jelas dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan juga Falsafah Pendidikan Guru (FPG). Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyebutkan:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. (Akta Pendidikan, 1996, p.11)

Insan yang seimbang dan harmonis diuraikan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sepertimana berikut:

Insan ini juga akan menjadi warganegara Malaysia yang baik. Mereka seharusnya hendaklah memiliki ciri-ciri berikut: Percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara. Berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara dan memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, p. 8-9)





Frasa "warganegara ... berakhlak mulia ... " merupakan salah satu ciri utama yang diberi penekanan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) (kini Kementerian Pelajaran Malaysia) dengan jelas menyatakan ciri-ciri akhlak mulia iaitu insan yang mempunyai pengetahuan mengenai nilai-nilai baik dan buruk; mempunyai kesedaran terhadap kesan daripada perbuatan baik dan buruk; yakin terhadap nilai murni; mengamalkan perbuatan yang baik; menghindari perlakuan yang buruk; dan menghayati nilai-nilai murni yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan, dan kewarganegaraan. Individu yang "memiliki sahsiah seimbang dan sepadu" di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan antaranya bermatlamat ke arah pembentukan akhlak yang mulia: menyedari dan menginsafi adanya Pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab dan penanggungjawab, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, memupuk dan membina disiplin diri serta membentuk akhlak mulia. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, p. 12).

Bagi mencapai cita-cita Falsafah Pendidikan Kebangsaan maka Falsafah Pendidikan Guru telah dibentuk yang antaranya juga bermatlamat ke arah pembentukan akhlak yang mulia: Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001, p. 1).





Oleh itu, adalah jelas bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru bermatlamat ke arah pembentukan akhlak mulia, yang juga selaras dengan tuntutan firman Allah dan hadis berikut:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Maksud : *Dan sesungguhnya, kamu (Muhammad S.A.W) benar-benar memiliki akhlak yang agung*

(Surah Al-Qalam 68:4)

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksud : *Sesungguhnya aku telah diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*
(HR, 'Ali Muttaqi, 1989, jld. 3, ms. 6)



proses pembentukan akhlak, adalah peniruan dari guru. Rasulullah S.A.W adalah guru bagi umat Islam, dan baginda juga sumber dan contoh akhlak mulia, justeru itu wajib bagi guru berakhlak mulia. Ini bermakna, proses pembentukan akhlak generasi muda negara kita masa kini dan generasi masa depan dipikul di atas bahu para pendidik khususnya guru Pendidikan Islam itu sendiri. Menurut Gamal (2003), al-Qobisi berpendapat guru perlu berusaha meletakkan diri mereka pada kedudukan yang lebih baik dan terhormat dalam kalangan murid bagi menimbulkan rasa hormat mereka terhadapnya dalam suasana yang penuh kasih sayang.

Antara kajian penting yang perlu diberi tumpuan ialah kajian menyeluruh yang telah dijalankan oleh Ab. Halim et al. (2004) bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mengenalpasti beberapa isu berkaitan kaedah





pengajaran yang digunakan oleh guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia. Menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), tugas guru menurut perspektif Islam merangkumi pelbagai tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia iaitu sebagai *murrabi*, *muaddib* dan bukan semata-mata seorang *mu'allim*. Tugas guru juga perlu dikaitkan dengan tugas sebagai pendakwah atau dalam erti kata lain seorang guru pendidikan Islam juga harus memainkan peranan sebagai seorang pendakwah atau da'i (Muhamad Faiz et al., 2012).

Justeru itu, sebagai guru yang berperanan sebagai pendakwah, tugas penting mereka ialah memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran Islam dan pelaksanaannya dalam kehidupan seharian, khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar mereka. Pasti, metod dan pendekatan yang digunakan perlu dipelbagaikan bagi memaksimumkan keberkesanan dakwah yang dijalankan. Oleh itu, guru mempunyai tanggungjawab yang besar dan sangat berperanan dalam menjayakan matlamat Pendidikan Islam (Al-Kaylany, 2005). Persediaan dan latihan yang intensif harus diberi penekanan untuk meningkatkan kualiti guru seterusnya merealisasikan hasrat murni Pendidikan Islam.

Guru pendidikan Islam merupakan golongan yang mempunyai didikan agama yang tinggi berbanding guru-guru yang lain. Demikian itu, mereka akan dianggap sebagai golongan yang boleh dijadikan contoh tauladan atau ikon kepada murid dalam menjalani kehidupan beragama (Mustafa, 2004). Persediaan dan latihan yang intensif harus diberi penekanan untuk meningkatkan kualiti guru. Perkara ini sejajar dengan kajian mengenai kualiti diri guru pendidikan Islam sekolah menengah di Sabah telah





dijalankan oleh Kassim (2010). Kajian kualitatif ini mendapati bahawa terdapat tiga kategori kualiti guru pendidikan Islam yang utama iaitu, pengetahuan, personaliti dan kemahiran. Sumber kualiti pula berkisar sekitar keluarga, kesungguhan semasa di institut pengajian tinggi dan penglibatan aktif dalam aktiviti-aktiviti rasmi dan kemasyarakatan setelah bergelar guru. Mereka telah mengaplikasikan kualiti keguruan mereka di sekolah serta tidak mengabaikan hal-hal kekeluargaan dan kemasyarakatan. Kualiti diri guru pendidikan Islam berkait rapat dengan tiga tema iaitu falsafah, psikologi dan sosiologi. Kualiti diri guru amat penting dalam usaha membentuk sahsiah pelajar secara berkesan.

Guru pendidikan Islam perlu terlebih dahulu memiliki sahsiah atau personaliti yang unggul sebelum berusaha untuk membentuk sahsiah para pelajarnya melalui proses pendidikan. Personaliti mewakili perwatakan seseorang individu dan dapat diperhatikan dan dinilai melalui tingkah lakunya di dalam situasi pada sesuatu ketika. Hal ini sesuai dengan peranan guru menurut Islam iaitu membersihkan dan membina jiwa agar menjauhi keburukan dan memeliharanya sesuai dengan fitrah kejadiannya, memindahkan ilmu pengetahuan kepada pelajarnya supaya diaplikasikan dalam diri dan kehidupan mereka (Al-Nahlawy, 1983).

Guru pendidikan Islam perlu memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang baik untuk memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Sebagai *role model*, guru pendidikan Islam mesti mempunyai sahsiah yang unggul supaya mereka boleh dicontohi dan dihormati. Tingkah laku dan sikap guru sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh pelajar-pelajar bukan sahaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau di





dalam sekolah malah juga ketika di luar kawasan sekolah. Perwatakan guru amat penting kerana ianya melambangkan personaliti mereka. Bahkan pelajar akan lebih mudah terkesan dengan ilmu yang disampaikan oleh guru yang menyayangi mereka serta memberi tunjuk ajar dengan penuh hikmah dan kesabaran. Abdullah (1995) mengatakan bahawa perwatakan tersebut boleh dipupuk melalui sifat-sifat spriritual seperti ikhlas, jujur, sabar, kasih sayang, warak dan taqwa bahkan menerusi sifat-sifat fizikal seperti tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain.

Guru harus mempunyai kepelbagaian kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan melalui pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran tersebut amat penting bagi memastikan guru berupaya mengendalikan pelajaran yang tinggi mutunya agar pelajar tertarik kepada pelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.

Oleh itu, penyediaan dan latihan guru pendidikan Islam perlu difokuskan kepada usaha melatih guru-guru pendidikan Islam yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Guru pendidikan Islam yang cemerlang boleh dilahirkan dengan menekankan kepada pembangunan insan guru berteraskan konsep *Muddaris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Muallim*. Dengan konsep ini, dapat melahirkan guru yang kreatif, inovatif serta berupaya menggunakan kaedah pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian bukan sahaja mampu memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar, bahkan dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, mewujudkan





suasana pembelajaran yang ceria dan menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu ke arah penghayatan yang lebih sempurna, seterusnya menyumbang kepada pembentukan akhlak murid yang lebih baik.

1.3 Pernyataan Masalah

Rasulullah S.A.W merupakan guru bagi umat Islam sehingga kini, setiap perkataan, perbuatan dan kelakuan Rasulullah S.A.W menjadi panduan bagi umat Islam. Seperti dalam firman Allah S.W.T :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا

Maksud :*sesungguhnya pada (diri) Rasulullah itu terdapat teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) Hari Kiamat dan banyak mengingat Allah*

(Surah Al-Ahzab 33 : 21)

Kini ulama adalah pewaris nabi, manakala GPI tergolong dalam golongan pewaris nabi. Oleh demikian, GPI adalah *role model* kepada murid sehingga ia boleh menjadi perwatakan baharu kepada murid-murid, dan mereka juga akan menjadi model peniruan bagi murid bahkan menjadi model bagi seluruh masyarakat terutama “masyarakat sekolah”. Setiap perbuatan, perkataan dan kelakuan mereka akan menjadi tumpuan dan buah mulut murid terutamanya, dan sering kali setiap kesalahan murid disandarkan kepada GPI. Oleh demikian, GPI harus mempunyai amalan *muaddib*, bagi memastikan terwujudnya akhlak baik dalam kalangan murid.





Permasalahan akhlak yang wujud dalam kalangan murid sama ada berbentuk akhlak luaran mahu pun melibatkan hubungan dengan Allah sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara sekalipun kedua-duanya bukan faktor penyebab yang utama. Dalam soal berkaitan, Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak, (2003, p. 69) mengatakan:

Tidak dapat dinafikan lagi masalah keruntuhan akidah dan sosial seperti gejala murtad, keruntuhan akhlak, zina, rogol serta kegagalan remaja Islam untuk melaksanakan tuntutan asas sebagai seorang Islam telah menimbulkan pelbagai pandangan dan persepsi di kalangan masyarakat terhadap Pendidikan Islam amnya dan guru-guru Pendidikan Islam khasnya.

Namun kini, GPI kini berdepan dengan cabaran teknologi tanpa sempadan yang boleh menjadi penyebab utama kerosakan akhlak pelajar, tambahan pula kurangnya peranan ibu bapa dalam hal ini. Oleh itu, hal ini tidak boleh meletakkan seluruh tanggungjawab ini ke bahu para GPI kerana ia di luar kawalan GPI. Akan tetapi di sekolah, GPI harus menampilkan contoh terbaik bagi mereka supaya hal ini dapat dikurangkan. Sepertimana dalam sirah Rasulullah S.A.W, baginda sentiasa menampilkan akhlak yang mulia sehingga seluruh umat manusia tertarik dengan baginda dan mencontohinya.

Sesuai dengan petikan di atas, kajian-kajian terkini oleh Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, dan Khadijah Abdul Razak (2004), Ahmad Mohd Salleh (1997), Airi Abu Bakar (2003), Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), Masribanun Duki (2004), Mohd Najib Naimuddin (2003) dan Zahariah Aiyub (2005) telah mendedahkan ketidakupayaan sesetengah guru Pendidikan Islam dalam membentuk diri mereka selaku pembimbing dan *role model* kepada pelajar. Implikasi daripada kajian-kajian tersebut menunjukkan





GPI perlu menghayati peranan mereka yang sebenar sewaktu mendidik supaya para pelajar mereka menjadi generasi yang berakhlak mulia. Apatah lagi, guru mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembentukan diri pelajar (Ab Halim Tamuri *et al.*, 2004; Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak, 2003; Abdul Raof Dalip, 1985; Rosnani Hashim, 1996; Saedah Siraj, 2001; Tajul Arifin Nordin & Nor Aini Dan, 1992; Zawawi Hj. Ahmad, 1984).

Pelajar yang lahir daripada Falsafah Pendidikan Islam (FPI) lazimnya mempunyai pengetahuan Islam yang tinggi dan mendapat markah yang baik namun ketinggalan dari sudut akhlaknya (Ab. Halim Tamuri 2006; Khadijah Abd Razak & Zaib Ngah 2002; Shamsul Shah Tarjo 2012). Mereka berjaya mempunyai pengetahuan Islam yang tinggi (Mahmood Zuhdi Ab Majid 2012; Zakaria Stapa 2012) tetapi tidak berjaya menghayati dan mempraktikkan pengetahuan tersebut dalam kehidupan kerana mereka melihat Pendidikan Islam hanya dari sudut pandang yang sempit dan tidak mempunyai kesan terhadap sistem kehidupan yang luas (Mahmood Zuhdi Ab Majid 2012; Zainal Abidin Bagir 2002; Zuraidah Othman 2012). Ini dibuktikan dengan masalah akhlak seperti gejala pembuangan bayi, penghinaan terhadap agama menerusi pengaruh budaya-budaya yang sesat seperti Black Metal, pergaulan bebas, bunuh diri, zina, jenayah kekerasan, jenayah harta benda dan seumpamanya semakin menular dalam kalangan remaja Islam (Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak 2003, Saidi Daud 2008, Syed Najmuddin *et al.* 2009, Shamsul Shah Tarjo 2012).

Rosnani Hashim (1997) telah menghuraikan guru sebagai *muaddib*, iaitu seorang yang bertanggungjawab dalam menerapkan adab (disiplin dalam pemikiran, fizikal dan rohani). Daripada istilah guru yang dinyatakan di atas, adalah jelas bahawa





guru mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan akhlak pelajar. Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menjelaskan bahawa para guru sangat disanjung dan diharapkan kerana mereka bukan sahaja berilmu semata-mata, tetapi juga mestilah mempunyai personaliti dan komitmen kepada Islam dan menunjukkan contoh yang baik kepada para murid, yang mana para murid boleh mengikuti guru mereka tanpa rasa ragu-ragu. Malah, guru yang tidak mempunyai sifat taqwa dan tidak akan dapat menunjukkan atau memberikan contoh yang baik. Justeru, aspek pendekatan dan cara pengajaran guru pendidikan Islam juga perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa dan terkini. Pada asasnya, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan besar kepada pembentukan diri pelajar.



Pada awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu (kini Semenanjung Malaysia), dapat dilihat guru ketika itu telah memainkan peranan sebagai *mursyid* yang penting dalam mendidik, memberi ilmu dan tunjuk ajar pe1ajar-pelajarnya. Pada waktu itu, ibu bapa dan masyarakat memberi penghormatan yang sangat tinggi terhadap guru-guru agama (Abdul RaofDalip, 1993; Ishak Mohd Rejab, 1993; Rosnani Hashim, 1996; Wan Zahidi Wan Teh, 1993). Sebelum abad ke-20 lagi, ibu bapa Melayu telah menghantar anak-anak mereka seawal usia lima tahun ke rumah guru-guru agama (Ismail Ab. Rahman, 1993; Rosnani Hashim, 1996). Pada waktu itu guru agama dipandang sangat mulia kerana mereka mengajar dengan penuh keikhlasan tanpa memperoleh sebarang ganjaran daripada pemerintah (Ismail Ab. Rahman, 1993; Rosnani Hashim, 1996). Jika pun ada, ganjaran yang diterima oleh guru-guru daripada pemerintah bukannya dalam bentuk wang. Dalam soal ini, Rosnani Hashim (1996) menjelaskan:





The pupils did not pay fees, but donated money to buy kerosene for the oil lampsthat were used ... ifclasses were held at night. More often the pupils assistedtheir teachers with such chores as carrying water from the well, carrying firewood,or growing and harvesting rice in the fields. (p. 20)

Selain daripada itu, kedatangan penjajah Inggeris telah menyebabkan berlaku perubahan dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu; dan ini mengakibatkan pergantungan dan sanjungan masyarakat terhadap guru agama semakin menurun (Rosnani Hashim, 1996). Selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957 hinggalah ke hari ini, kebanyakan ibubapa Melayu telah mula mengalih pandangan kepada sistem pendidikan formal. Selain masalah penurunan personaliti guru pendidikan Islam, menurut kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri (2000) melalui temubual pelajar membuktikan bahawa terdapat beberapa aspek negatif yang masih wujud pada segelintir guru pendidikan Islam antaranya sifat terlalu garang, suka memarahi pelajar tanpa usul periksa, suka menghina atau mengutuk pelajar, tidak memberi jawapan bila ditanya oleh pelajar dan ego dengan diri sendiri.

Dalam kajian Shahril @ CharilMarzuki (2002) pula mendapati bahawa sifat interpersonal guru Pendidikan Islam berada dalam tahap yang sederhana sahaja. Semua kajian ini membuktikan bahawa personaliti guru Pendidikan Islam yang dijelaskan ini masih belum mencapai tahap keperibadian guru yang cemerlang seperti yang dikehendaki dalam ajaran Islam apatah lagi bagi memenuhi matlamat Pendidikan Islam serta menangani cabaran Pendidikan Islam di sekolah Menengah di Malaysia. Bahkan menurut kajian Ab. Halim Tamuri (2004), oleh kerana ada sebahagian guru Pendidikan Islam tidak mampu menjadi contoh teladan, para pelajar tidak menganggap mereka sebagai sebagai contoh ikutan. Dapatan ini disokong lagi dalam kajian Abdullah Sani (2005) yang menjelaskan bahawa personaliti guru Pendidikan Islam merupakan salah





satu penyebab kepada kelakuan yang tidak baik para pelajar. Keadaan sebegini sudah tentu mencemarkan imej guru Pendidikan Islam di mata pelajar, rakan guru, dan masyarakat jika berterusan berlaku tanpa ada usaha untuk mengkaji, memperhalusi dan mengetengahkan model guru Pendidikan Islam yang sebenar mengikut konsep lima *mim*.

Peranan GPI dalam bilik darjah adalah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang seumpamanya sehingga proses ini mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh. Namun, sebahagian GPI hanya menumpukan pengajaran kepada peperiksaan dan menyisihkan elemen faham falsafah



dalam proses pengajaran (Maimun Aqsha 2013; 6 Mohd Farid Shahrhan 2013; Rosnani Hashim 1998). Hasilnya, metodologi pengajaran yang diketengahkan oleh GPI tidak bersifat bersepadu dan seolah-olah menyisihkan elemen Fardu Kifayah daripada ilmu Fardu Ain (Mohd Farid Shahrhan 2013; Mohd Sani Badron 2013). Pengajaran GPI hanya terfokus kepada metode hafalan, syarahan, menyalin nota dan kurang menggalakkan proses berfikir dalam kalangan murid (Rosnani Hashim 1998, t.t ; Zuraidah Othman 2012; Noor Hisham Md. Nawi 2012; Syed Najmuddin Syed Hassan et al 2009). Selain itu, GPI turut dikesan kurang kreatif dalam penyampaian silibus pengajian, tidak variasi dalam pengurusan kelas, kurang capaian ilmu daripada sumber yang pelbagai (Syed Najmuddin Syedhassan et al. 2009) dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terhad atau tiada langsung (Kamarul Azmi Jasmi et al. 2011; Md. Yusof Daud et al. 2006; Siti Fatimah Ahmad & Ab Halim Tamuri 2010). Terdapat juga segelintir daripada GPI gagal menunjukkan keperibadian yang baik dan wajar





dicontohi (Ab. Halim Tamuri 2000; Ab. Halim Tamuri et al. 2004; Ahmad Mohd. Salleh 1997; Airi Abu Bakar 2003; Kementerian Pendidikan Malaysia 2001; Mohd Najib Najmuddin 2003; Shahril @ Charil Marzuki 2002; Zahariah Aiyub 2005). Walaupun hanya segelintir daripada mereka yang berbuat demikian namun ia telah menjejaskan reputasi GPI secara keseluruhannya (Syed Najmuddin Syed Hassan et al. 2009).

Selain masalah penguasaan ilmu dan tahap personaliti guru Pendidikan Islam, kemampuan dalam memberikan P&P juga masih berada pada tahap yang perlu dikaji lagi, hal ini berkaitan dengan amalan GPI sebagai *muddaris* dan *murabbi*. Beberapa penyelidikan mengenai keberkesanan P&P Pendidikan Islam menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam gagal membantu pelajar dalam P&P, gagal menarik minat serta memotivasi. Kajian BPI (1993) sebagai contoh membuktikan penguasaan pelajar untuk aspek pembacaan teks bertulisan jawi dan pembacaan al-Quran adalah lemah. Selain itu, mereka juga kurang berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam kerana subjek ini bukanlah mata pelajaran wajib. Dapatan yang hampir sama juga seperti dalam kajian oleh Zaib Ngah (2002). Menurut kajian ini, terdapat pelajar yang mengakui bahawa mereka masih meninggalkan solat lima waktu walaupun telah mempelajari PAFA kerana hanya 40 peratus (%) pelajar menyatakan bahawa mereka tidak meninggalkan solat lima waktu. Selanjutnya sejumlah (40.7%) pelajar yang mempelajari PAFA hanya untuk lulus dalam peperiksaan sahaja walaupun secara keseluruhannya mereka mengakui bahawa PAFA telah memberi sumbangan yang positif kepada diri mereka.

Dapatan kajian Yahya Abdullah (2003) tentang minat dan penghayatan terhadap subjek Pendidikan Islam juga menyokong kajian BPI (1993) dan kajian Zaib





Ngah (2002). Kajian beliau (Yahya Abdullah 2003) menunjukkan min persepsi pelajar terhadap subjek Pendidikan Islam hanya berada pada tahap sederhana 3.27 walaupun ia menghampiri tahap positif. Bagi aspek minat pula, purata yang ditunjukkan juga agak rendah iaitu 3.32 sahaja manakala bagi aspek penghayatan hanya 3.22 sahaja. Minat pelajar terhadap Pendidikan Islam agak kurang memuaskan dengan min bagi item yang berkaitan dengan rasa seronok dan berminat mempelajari Pendidikan Islam hanya di tahap 3.28 sahaja. Ab. Halim Tamuri (2004) dan Abdul Aziz Mohd Zain (1995) mendapati bahawa faktor minat dan motivasi merupakan antara beberapa masalah utama yang dihadapi oleh pelajar dalam subjek Pendidikan Islam. Ini bermaksud bahawa ada guru Pendidikan Islam yang masih belum berjaya untuk menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar subjek Pendidikan Islam. Daripada pernyataan masalah di atas menunjukkan keperluan kajian ini bagi mencari jalan penyelesaian untuk memartabatkan Pendidikan Islam dan mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Islam

1.4 Objektif Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap amalan Konsep 5mim dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Johor dan secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Mudarris* dalam kelas dan Sekolah.
2. Mengetahui tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Mu'allim* dalam kelas dan Sekolah.





3. Mengenal pasti tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Murabbī* dalam kelas dan Sekolah.
4. Mengenal pasti tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Mu'addib* dalam kelas dan Sekolah.
5. Mengenal pasti tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Mursyid* dalam kelas dan Sekolah.
6. Mengenal pasti perbezaan amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah menerusi konsep lima *mim* berdasarkan latar belakang demografi guru.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan menjawab persoalan berikut:



1. Apakah tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Mudarris* dalam kelas dan Sekolah?.
2. Apakah tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Mu'allim* dalam kelas dan Sekolah?.
3. Apakah tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Murabbī* dalam kelas dan Sekolah?.
4. Apakah tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Mu'addib* dalam kelas dan Sekolah?.
5. Apakah tahap amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berteraskan Konsep *Mursyid* dalam kelas dan Sekolah?.
6. Apakah perbezaan amalan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah menerusi konsep lima *mim* berdasarkan latar belakang demografi guru?.





1.6 Hipotesis Kajian

Ho₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min amalan Konsep lima mim dalam kalangan Guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina guru.

Ho₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min amalan Konsep lima mim dalam kalangan Guru Pendidikan Islam berdasarkan umur

Ho₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min amalan Konsep lima mim Guru Pendidikan Islam berdasarkan status perkawinan

Ho₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min amalan konsep lima mim dalam kalangan Guru Pendidikan Islam berdasarkan latar belakang pengajian ijazah



Ho₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min amalan Konsep lima mim dalam kalangan Guru Pendidikan Islam berdasarkan pengkhususan bidang pengajian

Ho₆ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kaedah amalan Konsep lima mim dalam kalangan Guru Pendidikan Islam berdasarkan ikhtisas perguruan.

Ho₇ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min amalan konsep 5m dalam kalangan guru pendidikan islam mengikut pengalaman mengajar.





1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian yang diperoleh diharapkan dapat memberi sumbangan, rujukan dan panduan kepada warga pendidik khususnya guru-guru pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai *murabbi*, *muddaris*, *muaddib* dan *murshid* (Ab. Halim et al., 2006) dan dapat membantu merealisasikan Falsafah Pendidikan Islam. Seorang guru yang berjiwa *murabbi*, *muallim*, *mudarris*, *muaddib* dan *mursyid* akan sentiasa menghubungkan pendidikan sebagai suatu taklif atau amanah yang tinggi. Tugas guru bukan sahaja mengajar atau mendidik, malah ingin melihat anak didiknya memiliki kecemerlangan ilmu dan peribadi. Ini supaya apabila mereka berperanan di tengah-tengah gelanggang, mereka memberi kesan perubahan yang tidak bercanggah dengan fitrah kehidupan. (Sidek



Keunggulan dan keluhuran peribadi Rasulullah s.a.w. jika dapat diterapkan dalam setiap diri pendidik akan dapat menjadi *role model* kepada para pelajar. Terdapat sekurang-kurangnya lima domain yang menjadi ciri guru Pendidikan Islam iaitu: *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *mu'allim* yang dikenali sebagai 5 *mim* (Ab. Halim et al., 2006).

Kajian ini yang akan difokuskan kepada keperibadian guru, yang akan membawa pembentukan akhlak murid, guru yang menjiwai konsep ini akan membantu pembentukan akhlak murid kerana kelima-lima konsep ini adalah bersumberkan hadis Rasulullah S.A.W, yang mana Rasulullah S.A.W mampu membentuk akhlak sahabatnya sehingga mereka sanggup berjuang bermati-matian kerana agama Islam,





selain itu, kita boleh lihat kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh para sahabat, *tabii* dan *tabii tabii*, kejayaan mereka bukan pada hal akhirat sahaja bahkan kejayaan dalam pemerintahan, peperangan, pendidikan, politik dan ekonomi. Ini semua tidak akan hadir jika ia tidak dimulakan dari akhlak yang baik. Oleh itu, untuk menghasilkan murid yang cemerlang mestilah bermula dari guru yang cemerlang terutama GPI. GPI yang berjaya adalah GPI yang dapat menghubungkan PdPc dengan hubungan dunia dan akhirat.

Selain itu, kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada warga guru Pendidikan Islam tentang keperibadian yang sepatutnya ada pada seorang GPI. Memberi maklumat tentang tahap amalan konsep lima mim yang berlaku sekarang terutama di negeri Johor.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu pada guru Pendidikan Islam di zon selatan Negeri Johor dengan daerah yang terpilih. Faktor-faktor persekitaran, latar belakang sosio ekonomi, keturunan dan jantina guru dan pelajar yang mungkin mempengaruhi proses pengajaran tidak diabaikan dalam kajian ini. Dapatan yang diperoleh adalah berdasarkan kepada peserta kajian yang terdiri daripada guru dan pelajar yang terlibat di dalam pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Negeri Johor.

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif yang ditriangulasikan dengan kajian kuantitatif. Pengumpulan data kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual sebagai alat utama mengumpulkan data. Data temu bual ini disokong oleh data



pemerhatian dan analisis dokumen. Kemudian, data kualitatif ini ditriangulasikan pula dengan data kuantitatif yang dikumpul dengan menggunakan soal selidik guru. Pemilihan Guru pendidikan Islam sebagai responden kajian ini melalui beberapa peringkat penapisan supaya kajian ini benar-benar mencapai matlamat dan batasan.

1.9 Definisi Operasional

Berdasarkan tajuk kajian amalan Konsep *Mualim, Muaddib, Mursyid, Mudarris* Dan *Murabbi* Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Di zon selatan Negeri Johor, pengkaji akan menjelaskan beberapa pembolehubah yang menjadi konstruk kajian ini.

1.9.1 Konsep Lima Mim

Berdasarkan kerangka konsep lima *mim* yang digariskan oleh Ab. Halim et al. (2006),

lima *mim* yang dimaksudkan adalah merujuk kepada peranan guru Pendidikan Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh agama. Konsep lima *mim* merujuk kepada berikut:

1. *Muddaris* adalah konsep yang diasaskan kepada guru cemerlang yang berkesan. Umumnya, ia dinilai daripada lima aspek utama, iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional.
2. *Muaddib* merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Proses *ta'dib* ini bersumberkan wahyu Allah S.W.T. Manakala nilai *ta'dib* yang cuba diterapkan dalam diri para pelajar adalah



bersifat mutlak, muktamad, kekal abadi dan suci, serta diasaskan kepada keimanan yang kukuh kepada Allah S.W.T.

3. *Murabbi* pula merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek (iaitu rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam.

4. *Mursyid* merujuk kepada aspek kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri sebagai insan soleh. Konsep *irsyad* dalam kajian ini lebih memfokuskan konsep kepemimpinan Rasulullah S.A.W dalam proses mendidik dan membimbing para sahabat.

5. *Mu'allim* merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang. Proses *ta'lim* merangkumi juga adab berilmu yang akan mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh. Kewibawaan pendidik Muslim sangat penting dalam usaha melaksanakan tugas mendidik dan memimpin pelajar secara lebih berkesan.





1.9.2 Guru Pendidikan Islam

Definisi guru Pendidikan Islam (GPI) adalah sama definisinya dengan definisi guru cemerlang, tetapi memiliki kepakaran khusus dalam bidang Pendidikan Islam. Untuk mengetahui GPI, pengertian Pendidikan Islam perlu diketahui dahulu. Definisi Pendidikan Islam merujuk kepada subjek yang terkandung di dalamnya Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Subjek ini merupakan kesinambungan daripada program Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Pendidikan Islam KSSR terkandung di dalamnya Tilawah al-Quran; Ulum Syariah yang terdiri di dalamnya akidah, ibadat serta Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam; serta Akhlak Islamiyyah. Pendidikan Islam KSSR akan memberikan penekanan dan tumpuan yang sepenuhnya kepada aspek pengukuhan aqidah Islamiah, pemahaman dan amalan ibadah dalam kehidupan harian serta asuhan budi pekerti dan akhlak yang mulia (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), KPM 2007).

Secara ringkas, definisi GPI dalam kajian ini ialah guru pendidikan Islam yang mempunyai pengajaran dan pembelajaran, keperibadian hebat, kemahiran dan kecekapan yang tinggi, penguasaan ilmu dan penghayatan Islam yang menjadi ikutan ramai, serta yang sentiasa tinggi motivasinya dalam melaksanakan kewajipan sebagai seorang guru dalam subjek Pendidikan Islam.

1.9.3 Sekolah Rendah

Sekolah Rendah atau pendidikan rendah dalam *Encyclopedia of Educational Research* (Ebel et al. 1960) merupakan tahap pelajar yang berada di antara pelajar sekolah






rendah. Sekolah Rendah dalam kajian ini merujuk semua sekolah yang ada menawarkan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Oleh itu, sekolah rendah dalam kajian ini adalah terdiri daripada semua Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT),.

1.10 Kerangka Teoritikal Kajian

Konsep lima mim adalah berdasarkan kepada lima ciri penting yang perlu diperolehi oleh seorang guru terutama GPI. Lima ciri tersebut ialah *mudarris*, *mu'alim*, *murabbi*, *mursyid* dan *mu'addib* (Ab. Halim Tamuri et al. 2006). *Mudarris* ialah seorang guru atau GPI khususnya yang berjaya menampilkan diri sebagai seorang tenaga pengajar yang cemerlang berdasarkan kepada lima ciri penting iaitu keberpidian, kaedah pengajaran yang berkesan, berjaya mewujudkan suasana pengajaran bilik darjah yang kondusif dan cekap dalam melakukan keputusan profesional. *Mu'alim* pula merujuk kepada tugas guru sebagai penyampai maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Seterusnya, guru sebagai *murabbi* iaitu meliputi tugas guru sebagai pendidik dan penjaga pelajar dalam usaha mengekalkan keadaan fitrah pelajar dengan penuh kasih sayang. Selain itu, guru turut berperanan sebagai *mu'addib* iaitu peranan guru selaku pembimbing akhlak pelajar berdasarkan nilai *ta'dib* yang disarankan dalam Quran dan Sunnah dan akhirnya Mursyid. Guru sebagai Mursyid menjelaskan peranan guru dari sudut kepimpinan guru di dalam kelas yang merujuk kepada ciri kepimpinan Rasulullah s.a.w. Lakaran konsep lima *mim* adalah seperti berikut :






Rajah 1.0 lima *Mim* (Ab. Halim Tamuri et al. 2006)

Berdasarkan rajah diatas, konsep lima *mim* ini patut ada pada seorang guru terutama guru Pendidikan Islam, kerana konsep ini merangkumi keseluruhan sifat seorang guru. Dalam pendidikan Islam, ia mempunyai ciri pengajaran dan pembelajaran yang tersendiri yang tidak sama dengan pendidikan akademik.


Kerangka teori kajian ini diambil dari Model p&p berasaskan konsep lima mim Ab Halim Tamuri (2007) dan diubahsuai menjadi kerangka teori kajian ini. Ringkasan konsep lima mim tersebut seperti berikut :



Rajah 2.0 Model P&P berasaskan Konsep lima *mim*

Dari ringkasan diatas, menunjukkan bahawa akhlak murid akan terbentuk dari hasil amalan guru GPI, jika sekiranya GPI gagal menunjukkan amalan yang terbaik untuk murid, ini akan mengganggu proses ini. Secara ringkasnya, pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungan dengan kemahiran pengajaran ilmu, dan ia bergantung kepada amalan pendidik Muslim. Manakala amalan pendidik muslim mempunyai hubungan dengan latihan, kursus atau pengalaman bagi realisasikan hasrat

FPI dan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam. Namun, kajian ini akan menumpukan kepada tahap amalan GPI, supaya dapat mengenalpasti tahap amalan mereka supaya dapat diperbaiki atau ditambahbaik. Oleh demikian itu, kerangka teori kajian ini dirangka seperti berikut:



Rajah 3 : Ubahsuai dari Model P&P berdasarkan konsep lima *mim*

Dalam kajian ini cuba melihat beberapa elemen berkaitan dan ciri penting yang menjadi asas kepada kecemerlangan guru Pendidikan Islam. Antara elemen yang berkaitan adalah latihan, kursus dan pengalaman GPI dan amalan GPI.



1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang perkara-perkara asas yang menjadi tunjang kepada kajian yang dijalankan. Perbahasannya meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif dan tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian.

